

Ruj.Kami : Prk.ML. 08/35-22 (25)
Tarikh : 13 Februari 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H Dato`/Tuan,

PEKELILING DASAR PELESENAN BERHUBUNG SURAT KEBENARAN MENANGKAP IKAN SEMENTARA MENUNGGU KELULUSAN PEMBAHARUAN LESEN OLEH PEJABAT PERIKANAN NEGERI (PPN)/IBU PEJABAT PERIKANAN

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan telah mewujudkan Pekeliling Dasar Pelesenan berhubung surat kebenaran menangkap ikan sementara menunggu kelulusan pembaharuan lesen oleh Pejabat Perikanan Negeri (PPN)/Ibu Pejabat Perikanan. Tujuan pekeling ini diwujudkan adalah bagi memaklumkan kepada semua PPN bahawa sebarang pengeluaran surat kebenaran menangkap ikan sementara menunggu kelulusan pembaharuan lesen oleh Pejabat Perikanan Negeri (PPN)/Ibu Pejabat Perikanan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kerana tiada punca kuasa yang membenarkan bagi tujuan berkenaan di bawah Akta Perikanan 1985.

3. Sehubungan itu, perkara ini hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya oleh semua Pejabat Perikanan Negeri (PPN) bagi mengelakkan sebarang tanggapan serta persepsi yang negatif di kalangan masyarakat dimana ia boleh menjejaskan imej dan kredibiliti Jabatan ini.

4. Selaras dengan itu, Y.H Dato`/Tuan diminta untuk mengambil maklum dan tindakan selanjutnya ke atas arahan ini dan memaklumkan kepada semua kakitangan unit pelesenan di peringkat negeri dan daerah berhubung pekeling

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI


dasar pelesenan ini yang akan berkuat-kuasa **SERTA MERTA** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Kerjasama dan tindakan daripada Y.H. Dato`/Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Ibu Pejabat Perikanan
PUTRAJAYA

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan